

MEMPERKASAKAN BAKAT MASA DEPAN



An initiative by
Khazanah Nasional

Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) ditubuhkan untuk menangani kekurangan bakat berkemahiran tinggi yang diperlukan Malaysia untuk menyokong pertumbuhan pesat industri-industri berteknologi tinggi.

Program ini menyasarkan untuk membangunkan saluran bakat dengan melengkapkan belia dengan kemahiran yang diperlukan bagi membina tenaga kerja yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan. Dilancarkan pada tahun 2023, K-Youth direka bentuk untuk meningkatkan kebolehgajian belia dengan menyediakan kemahiran yang relevan dan permintaan tinggi sejajar dengan keperluan industri bagi menghasilkan graduan yang bersedia untuk dunia kerja.

K-Youth mengenal pasti dan menangani jurang dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui tiga laluan berbeza. Laluan pertama memfokus kepada industri utama seperti Hospitaliti & Perkhidmatan, Mesin & Kelengkapan dan Digital & Teknologi. Laluan kedua menyokong pelajar tahun akhir sepanjang tempoh dua tahun. Laluan ketiga menyampaikan pelbagai program pembangunan berstruktur untuk meningkatkan 50 pusat kerjaya.

Pada tahun 2024, program ini melatih 8,222 belia, 76% daripadanya adalah daripada komuniti B40. K-Youth menyediakan belia-belia ini dengan pengalaman industri amali berharga yang menitikberatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pensijilan dan latihan kemahiran insaniah untuk membolehkan permulaan kerjaya mereka yang lancar. Lebih 80% daripada peserta program telah memperoleh pekerjaan dalam pelbagai industri utama seperti teknologi, semikonduktor, mesin dan hospitaliti.



MEMPERKASAKAN BAKAT MASA DEPAN



KHAZANAH RESIDENCY PROGRAMME

An initiative by Khazanah Nasional

KRP menyasarkan untuk meningkatkan bakat Malaysia dengan melengkapkan individu-individu dalam pelbagai bidang dengan pengetahuan, kemahiran dan rangkaian yang perlu bagi kecemerlangan profesional. Ia mencerminkan komitmen Khazanah terhadap pembinaan kapasiti negara melalui pembangunan bakat yang tertumpu.

Program ini merangkumi dua inisiatif utama: Khazanah Nasional Wolfson Press Fellowship dan Khazanah Nasional Associate Artist Residency.

Khazanah Nasional Wolfson Press Fellowship (KNWPF)

Khazanah Nasional Wolfson Press Fellowship (KNWPF) memberikan peluang kepada wartawan dan pengamal profesional komunikasi korporat Malaysia untuk memperkukuh kemahiran, pengetahuan dan rangkaian mereka. Sejak tahun 2013, Khazanah telah berganding bahu dengan Wolfson College di University of Cambridge untuk menaja dua



Dari kiri: Luqman Hariz (Astro Awani), Ida Lim (Malay Mail) dan Jenifer Laeng (The Borneo Post) di Perpustakaan Cambridge University, University of Cambridge. Mereka bertiga merupakan sebahagian daripada kohort Program Residensi Khazanah Nasional Bhd (KRP) Wolfson Press Fellows 2024.

orang wartawan dan seorang pengamal profesional komunikasi korporat untuk penempatan residensi selama 10 minggu. Sehingga kini, program ini telah menyokong 21 orang wartawan dan lapan orang pengamal profesional komunikasi korporat. Sejak penubuhannya pada tahun 1982, fellowship atau program jangka pendek ini telah menjadi tuan rumah kepada lebih 350 orang wartawan daripada 47 buah negara.

Bidang-bidang kajian termasuk perubahan iklim, isu sosial, ekologi media, ombudsman media, media dan internet serta pelaporan global. Selain itu, peserta mengambil bahagian dalam perbincangan akademik dan berinteraksi dengan pelajar dan ahli akademik dalam persekitaran yang menyokong pemikiran kritis dan pembelajaran. Setelah mereka kembali ke tanah air, fellow ini akan mengendalikan sesi perkongsian pengetahuan dengan para siswazah yang melanjutkan pengajian dalam media dan komunikasi bagi menyumbang kepada pembangunan golongan akademik dan profesional dalam bidang tersebut.

📄 Dapatkan maklumat lanjut mengenai Program Residensi Khazanah di Instagram melalui <https://www.instagram.com/khazanahresidency/> dan di laman web melalui <https://www.khazanah.com.my/our-community/khazanah-residency-programme/>